

# Sejarah bekas hostel perubatan dibukukan

SEJARAH bekas bangunan hostel perubatan yang terletak di 11 Mandalay Road telah dibukukan.

Bangunan tersebut, yang kaya dengan gaya seni bina Palladian, kini menjadi ibu pejabat Sekolah Perubatan Lee Kong Chian – sebuah sekolah perubatan usaha sama Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Imperial College London.

Di majlis pelancaran buku itu semalam, Presiden NTU, Profesor Bertil Andersson, berkata buku peringatan itu bertujuan memberi penghormatan kepada sejarah dan warisan Singapura.

“Bangunan warisan ini berdiri megah sebagai tanda peringatan kepada semangat perintis generasi terawal Singapura.

“Dengan adanya buku ini, kami berharap ia sebagai tanda penghormatan kepada mereka dan legasi mereka, termasuk kepentingan warisan dan sejarah yang menjadi sebahagian daripada sejarah seni bina Singapura,” kata beliau.

Buku tersebut memaparkan perubahan yang dilalui bangunan tersebut sepanjang 90 tahun

lalu, seperti yang dikisahkan mereka yang pernah mendiaminya.

Ia juga mengandungi sekitar 100 gambar – termasuk gambar lama dari era 1940-an yang memaparkan pelajar di hostel tersebut.

Buku tersebut turut mendokumentasikan titik bersejarah sistem perubatan dan jagaan kesihatan Singapura.

Bangunan asal hostel itu pertama kali dibina pada 1924 sebagai Straits Settlements Mandalay Road Hostel bagi pelajar perubatan peringkat senior.

Operasinya terhenti sebentar semasa Perang Dunia Kedua, namun bangunan hostel itu terus digunakan bagi pelajar perubatan selama tiga dekad, dan kemudian menjadi sebahagian daripada Universiti Malaya.

Bangunan tersebut, yang terletak berdekatan dengan Hospital Tan Tock Seng di kawasan Moulmein, tidak berpenghuni selama 11 tahun sebelum ia dipilih sebagai lokasi bangunan perubatan baru NTU pada 2010.

Kerja-kerja pemuliharaan bermula dua tahun kemudian.